

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
TAMAN BERSIH 2014
PADA 6 DISEMBER 2014 (SABTU), JAM 9.20 PAGI
PERKARANGAN SURAU TAMAN SUNGAI DURI PERMAI,
SUNGAI BAKAP

Yang Berhormat Dato' Mansor bin Haji Othman
Ahli Parlimen Nibong Tebal

Yang Berhormat Dato' Hj Maktar bin Hj Shapee
ADUN Sungai Bakap

Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Haji Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mansor dan Yang Berhormat Dato'Hj Maktar, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa dan hadir sama Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Taman Bersih pada pagi ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan,

Isu kebersihan di Seberang Perai sememang merupakan salah satu agenda yang amat diberi perhatian oleh MPSP. Sejak MPSP mengambil alih kerja-kerja pembersihan di Seberang Perai mulai Julai yang lalu, MPSP telah mengambil pelbagai tindakan seperti pengambilan kakitangan tambahan, pembelian jentera baru untuk tujuan meningkatkan mutu kerja-kerja pembersihan di Seberang Perai. Tetapi MPSP juga berharap mendapatkan kerjasama daripada tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama menjaga kebersihan di kawasan masing-masing.

Selaras dengan dengan Fokus MPSP 2014, MPSP telah menganjurkan Pertandingan Taman Bersih di Seberang Perai pada tahun ini. Pertandingan ini diadakan dengan tujuan meningkatkan kesedaran pembersihan melalui penglibatan komuniti atau 'Community Engagement'. Disamping itu, melalui pertandingan ini, ia dapat menggalakkan penyertaan penduduk setempat di dalam aktiviti kebersihan dan secara tidak langsung dapat melestarikan

kehidupan berkualiti di persekitaran hidup yang lebih bersih dan teratur kerana ia dapat mengawal dan mengelak daripada kejadian penyakit-penyakit yang mempunyai hubungkait dengan persekitaran yang tidak sihat.

Yang Berhormat dan para hadirin sekalian,

Setiap parlimen di Seberang Perai diwakili oleh satu taman perumahan. Asas pemilihan taman perumahan adalah berdasarkan kepada:

1. Taman perumahan yang komited dengan program yang hendak dilaksanakan.
2. Mempunyai kesepakatan komuniti di kalangan penduduk.
3. Berkeupayaan untuk menjadi taman contoh dengan kemudahan dan ciri-ciri sedia ada.
4. Bersedia mengorak langkah ke arah perubahan dengan penglibatan komuniti .
5. Mempunyai ciri-ciri penjagaan dan kelestarian alam sekitar. (program gotong royong, kitar semula, kompos dsb.)

Taman-taman perumahan yang dipilih untuk mewakili setiap parlimen adalah:

PARLIMEN	NAMA TAMAN
P.41 Kepala Batas	Taman Bertam Putra (Seksyen 5)
P.42 Tasek Gelugor	Taman Desa Murni (Fasa 4)
P.43 Bagan	Taman Riang
P.44 Permatang Pauh	Taman Mengkuang Indah

P.45 Bukit Mertajam	Taman Jernih
P.46 Batu Kawan	Taman Bukit Minyak Indah
P.47 Nibong Tebal	Taman Sungai Duri Permai

Bagi menjalankan penilaian terhadap taman-taman yang terpilih, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan. Ahli Jawatankuasa yang dilantik adalah terdiri daripada daripada Ahli Majlis MPSP dan juga wakil daripada pelbagai jabatan dalaman MPSP. Ahli Jawatankuasa ini telah membuat pemeriksaan di setiap taman perumahan dan pemarkahan diberi berdasarkan kriteria seperti berikut:

1. Pemilikan tong sampah sendiri bagi setiap premis kediaman.
2. Bilangan penganjuran aktiviti gotong royong pada tahun semasa.
3. Bebas dari longgokan sampah haram / sisa binaan.
4. Tiada unsur vandalisma / salahguna kemudahan asas / awam.
5. Keceriaan keseluruhan kawasan.
6. Kebersihan keseluruhan kawasan.

Hadiah-hadiah yang ditawarkan untuk pertandingan ini adalah Johan : RM 1,000 berserta sijil penyertaan, Naib Johan : RM 750.00 berserta sijil penyertaan, tempat ketiga: RM 500.00 dan sijil penyertaan. Setiap taman yang mewakili setiap Parlimen juga akan diberi sijil penyertaan.

Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir sekali, saya berharap setiap wakil taman perumahan yang hadir pada pagi ini dapat mengekalkan kebersihan dan keindahan di tempat masing-masing. Kebersihan dan keindahan tersebut bukan sahaja dipamerkan kepada panel-panel penilai semasa memberi pemarkahan tetapi ia perlu sentiasa diamalkan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pertandingan ini dan ia akan diadakan lagi pada tahun hadapan dengan harapan lebih banyak lagi penyertaan daripada taman-taman perumahan untuk merebut gelaran pemenang dan mejadi role model kepada taman-taman yang lain. Semoga pertandingan ini akan menjadi batu loncatan untuk menjadikan Taman Perumahan di Seberang Perai lebih indah dan bersih.

Dengan itu, saya sudahi dengan “Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh“.

Sekian, terima kasih.